

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN**
[KUALA KRAI]
TARIKH : **23 OKTOBER 2019**

SOALAN :

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi menjaga kebajikan keluarga mangsa tragedi tembakan di Masjid Christchurch, New Zealand.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Krai atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan merakamkan penghargaan atas keprihatinan daripada pelbagai pihak berhubung tragedi tembakan yang berlaku di dua buah masjid di Christchurch, New Zealand pada 15 Mac 2019.

3. Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di New Zealand telah menghulurkan bantuan sewajarnya kepada mangsa serta waris yang terlibat dalam insiden tersebut. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sejurus selepas

insiden tersebut, pihak Suruhanjaya Tinggi telah mengambil tindakan segera untuk menghubungi hospital, pihak penguatkuasa dan agensi tempatan dalam urusan seperti mengesan mangsa yang hilang, ujian DNA, proses pengecaman dan identifikasi mangsa serta upacara pengebumian.

4. Pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Luar Negeri dan Suruhanjaya Tinggi juga melawat para mangsa dan waris yang terlibat bagi memberikan semangat dan sokongan moral kepada mereka serta memastikan hak dan kebijakan mereka sentiasa terpelihara.
5. Pihak Suruhanjaya Tinggi turut menyelaraskan lawatan kerja yang dilakukan oleh YB Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang datang melawat para mangsa dan waris mewakili Kerajaan Malaysia serta mengadakan perbincangan dengan Kerajaan New Zealand. Sumbangan daripada Ahli-ahli Parlimen, syarikat swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu-individu lain juga disampaikan oleh pihak Suruhanjaya Tinggi kepada pihak mangsa dan waris.

Sekian, terima kasih.